

Cagamas muktamad terbitan bon ringgit RM1.5 juta

KUALA LUMPUR: Cagamas Bhd. (Cagamas) mengumumkan terbitan Nota Jangka Sederhana Konvensional (GMTN) tiga tahun berjumlah RM1.5 bilion, terbitan bon ringgit terbesar bertempoh tunggal.

Hasil daripada terbitan itu akan digunakan untuk membiayai pembelian pinjaman daripada sistem kewangan, kata perbadanan gadai janji nasional negara itu dalam ke-

nyataan.

"Salz terbitan yang lebih besar dijangka menggalakan kecairan dalam pasaran sekunder dan menyumbang secara positif kepada penemuan harga terbitan lain di peringkat domestik dan pada masa yang sama meningkatkan penerimaan pelabur terhadap terbitan hutang Cagamas," kata Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Chung Chee Leong.

"Peserta pasaran kiasu berhati-hati terhadap kedudukan pasaran semasa yang mencabar, dengan ada dalam kalangan mereka yang memilih untuk tidak memasuki pasaran dan menunggu perkembangan lanjut dalam pasaran domestik dan antarabangsa," katanya.

Hasil daripada penglibatan berterusan dengan pelabur, syarikat itu berjaya menar-

ik bidaan kompetitif, terutama daripada syarikat insurans dengan tempahan yang diterima daripada segmen pasaran ini menyumbang kira-kira 20 peratus daripada salz terbitan.

Penetapan harga GMTN tiga tahun berjaya dilaksanakan dengan lebaran 58 mata asas melepasi Sekuriti Kerajaan Malaysia yang sama, katanya.

— Bernama